

JABATAN PENDAFTAR • DEPARTMENT OF REGISTRAR

Rujukan : UKM(T).PDF.100-1/3/1JLD.4

Tarikh : **12** Februari 2026

PEKELILING JABATAN PENDAFTAR BIL. 5/2026

**SEMUA WARGA
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA**

YBhg. Prof. Ulung/Prof./Tan Sri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

WAKTU BEKERJA FLEKSI (WBF) SEPANJANG BULAN RAMADAN BAGI TAHUN 2026M/1447H

Dengan hormatnya izinkan saya merujuk perkara di atas dan Pekliling Jabatan Pendaftar Bil. 15/2025 bertarikh 10 September 2025 mengenai Polisi Waktu Bekerja Universiti Kebangsaan Malaysia adalah berkaitan.

2. Sehubungan dengan itu, bagi tujuan pelaksanaan Waktu Bekerja Fleksi (WBF) sepanjang bulan Ramadan, warga Universiti yang ingin mengubah WBF kepada Waktu Bekerja Fleksi Ramadan (WBFR) hendaklah membuat pilihan waktu bekerja dalam Sistem Pengurusan Kehadiran V3 dan perlu mendapat kelulusan daripada Ketua Jabatan. Penetapan WBFR adalah seperti berikut:

Lokasi	Hari	Waktu Masuk	Waktu Keluar	Waktu Rehat	Tempoh Bekerja
UKM Bangi, Kampus Kuala Lumpur, Hospital Pengajar, Makmal Alami (Pahang dan Johor	Isnin - Jumaat	7.30 - 9.00 pagi	4.00 - 5.30 petang	Isnin - Khamis: 1.00 - 1.30 petang Jumaat: 12.30 tengah hari - 2.30 petang	8 jam 30 minit
Makmal Alami (Kedah)	Ahad - Rabu	7.30 - 9.00 pagi	4.00 - 5.30 petang	Ahad - Khamis:	8 jam 30 minit
	Khamis	7.30 - 9.00 pagi	2.30 - 4.00 petang	1.00 - 1.30 petang	7 jam

...2/-



PEJABAT PENDAFTAR, JABATAN PENDAFTAR

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia

Telefon: +603-8921 4888 E-mel: pdftar@ukm.edu.my Laman Web: <http://www.ukm.my/pendaftar>

Mengilham Harapan, Mencipta Masa Depan • Inspiring Futures, Nurturing Possibilities

www.ukm.my

3. Bagi perkhidmatan kaunter yang perlu dibuka secara berterusan, Ketua Jabatan boleh membuat penyesuaian kepada waktu rehat staf dengan syarat masa rehat staf diganti pada hari yang sama. Pihak Universiti mengharapkan pelaksanaan pengurangan waktu rehat ini tidak menjejaskan aktiviti dan operasi sistem penyampaian perkhidmatan awam sepanjang bulan Ramadan kerana pelaksanaan ini tidak mengubah tempoh waktu bekerja penjawat awam sedia ada.

4. Bersama-sama ini, dilampirkan **infografik Tatacara Permohonan dan Kelulusan WBF Ramadan** untuk tindakan selanjutnya. Sebarang maklumat lanjut, YBhg. Prof. Ulung/Prof./Tan Sri/ Datuk/ Dato'/Datin/Tuan/Puan boleh menghubungi Encik Mohd Azmi Kasim, Ketua, Bahagian Pentadbiran dan Kemudahan, Jabatan Pendaftar atau Puan Suhana Bahtiar, Pembantu Tadbir (P/O) N2, Bahagian Pentadbiran dan Kemudahan Jabatan Pendaftar melalui talian: 03-8921 5075 atau e-mel: kbpk@ukm.edu.my.

Kerjasama dan perhatian YBhg. Prof. Ulung/Prof./Tan Sri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan dalam perkara ini adalah amat hargai.

Sekian, terima kasih.

'ILMU, MUTU DAN BUDI'

Yang benar,



HAJI ZAINUDIN MOHD DAUD
Pendaftar

- s.k.
- Naib Canselor
 - Timbalan-Timbalan Naib Canselor
 - Bendahari
 - Ketua Pustakawan
 - Penasihat Undang-Undang
 - Pengarah, Hospital Canselor Tuanku Muhriz
 - Pengarah, Hospital Tunku Ampuan Besar Tuanku Aishah Rohani
 - Hospital Pakar Kanak-kanak UKM

-2-



PEJABAT PENDAFTAR, JABATAN PENDAFTAR

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia

Telefon: +603-8921 4888 E-mel: pdftar@ukm.edu.my Laman Web: <http://www.ukm.my/pendaftar>

Mengilham Harapan, Mencipta Masa Depan • Inspiring Futures, Nurturing Possibilities

www.ukm.my

Tatacara Permohonan dan Kelulusan WBF Ramadan (WBFR)

Individu

1. Log masuk ke **mywarga.ukm.my** (Sistem Pengurusan Kehadiran V3)
2. Pada menu Individu pilih Permohonan WBB
3. Pilih Permohonan Baharu
4. Pilih WBFR dan tekan butang Hantar

Ketua

1. Log masuk ke **mywarga.ukm.my** (Sistem Pengurusan Kehadiran V3)
2. Pada menu Ketua pilih Kelulusan WBB
3. Tekan butang Hantar

Urus setia PTj

1. Log masuk ke **mywarga.ukm.my** (Sistem Pengurusan Kehadiran V3)
2. Pada menu Urus setia pilih Pendaftaran WBB
3. Tekan butang Hantar



Waktu masuk
7.30 pagi – 9.00 pagi

Waktu keluar
4.00 petang – 5.30 petang

